

04 MAY 1996

Ling-PAS

MCA AKAN SOKONG PENDIRIAN UMNO BERHUBUNG PINDAAN PERLEMBAGAAN KELANTAN

PULAU REDANG, 4 Mei (Bernama) -- MCA akan menyokong sebarang keputusan yang dibuat oleh UMNO berhubung pindaan perlembagaan negeri Kelantan yang dicadangkan oleh kerajaan PAS, kata Presidennya Datuk Seri Dr Ling Liong Sik.

Dr Ling berkata MCA sebagai parti komponen Barisan Nasional (BN) akan berdiri teguh di belakang parti-parti rakan.

"Sebagai mana dinyatakan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad jika pindaan itu mengikut prinsip atau pendirian UMNO bagi menyekat penyalahgunaan kuasa, UMNO akan menyokong. MCA sebagai parti komponen BN akan berdiri bersama rakan-rakan BN," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat jawatankuasa kerja pusat MCA di sini hari ini.

Beliau mengulas cadangan kerajaan PAS meminda perlembagaan negeri bagi menjelaskan kuasa Sultan. MCA mempunyai wakil tunggal di Dewan Undangan Negeri Kelantan iaitu bagi kawasan Kota Lama.

Dr Ling, yang juga Menteri Pengangkutan, berkata mesyuarat hari ini juga menetapkan tarikh perletakan batu asas pusat latihan MCA Pusat yang baru di Bangi iaitu pada 18 Mei.

Katanya pusat itu dijangka berharga antara RM5 juta dan RM6 juta dan dijangka siap dalam masa dua tahun. Ia antara lain akan mempunyai asrama, dewan syarahan, dewan besar dan padang bagi kursus bina diri.

Katanya semua bahagian parti itu di seluruh negara telah diarah menjalankan kempen memungut derma bagi pembinaan pusat latihan itu.

"MCA mempunyai 2,800 cawangan di seluruh negara. Sekiranya setiap cawangan memungut RM2,000, kita akan dapat mengumpulkan sebanyak RM5.6 juta," kata beliau.

Dr Ling berkata mesyuarat hari ini juga membincangkan perjalanan mesyuarat agung cawangan dan bahagian di seluruh negara dan berpuas hati kerana semuanya berjalan lancar. -- BERNAMA

SBJ AKD